



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

NTIS DORONG PERKEMBANGAN INOVASI, KREATIVITI DAN KADAR PENGKOMERSIALAN PRODUK TEMPATAN

PUTRAJAYA, 9 JUN 2020 – Penubuhan **National Technology & Innovation Sandbox (NTIS)** seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin Jumaat lalu akan mendorong perkembangan inovasi dan kreativiti dalam negara dengan memangkin usaha seperti pendigitalan penawaran perkhidmatan dan peningkatan kadar pengkomersialan produk tempatan, teknologi serta perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) baharu.

NTIS di bawah **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** yang akan turut menikmati kelonggaran kepada beberapa peraturan untuk menguji cuba teknologi baharu seperti dalam pengujian penghantaran pembelian atas talian melalui dron dan penggunaan kenderaan pandu sendiri, - dilihat bakal memupuk minat rakyat pelbagai lapisan untuk meneroka pengetahuan dalam bidang ini dengan lebih mendalam. Sementara bagi syarikat serta pemain industri sedia ada, NTIS merupakan peluang untuk mereka melancar, melonjak dan seterusnya mencapai tahap terbaik dalam potensi masing-masing.

Selaku Kementerian peneraju, MOSTI melalui *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)*, *Technology Park Malaysia (TPM)*, *Malaysia Technology Development Corporation (MTDC)* dan *Futurise Sdn. Bhd.* (di bawah Kementerian

Kewangan) akan bekerjasama rapat dengan badan-badan kawal selia dan pihak swasta yang lain.

Kerjasama ini meliputi penyelarasan keseluruhan pelaksanaan NTIS melalui **sumber pembiayaan penggunaan semula (*repurposing funds*) Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) di bawah MTDC yang akan melibatkan Industri 4.0 dan automasi serta robotik.**

Kaedah Sandbox ini akan mengurangkan halangan kemasukan produk, perkhidmatan, inovasi serta penemuan baharu ke pasaran apabila proses pengujian terhadapnya dilonggarkan dan dilaksanakan dalam persekitaran yang selamat dan terkawal. Dengan ini, proses untuk menguji cuba teknologi baharu seperti penghantaran melalui dron dan kenderaan pandu sendiri dapat dibuat secara lebih efektif dan pantas.

Futurise selaku syarikat di bawah agensi Kementerian Kewangan bersama dengan badan-badan kawal selia berkaitan pula akan bertindak sebagai penyelaras melalui inisiatif '**National Regulatory Sandbox**' bagi menentukan syarat dan kelayakan yang diperlukan untuk produk-produk inovasi berjaya ke pasaran setelah tamat proses ujian.

Buat permulaan, terdapat lima (5) inisiatif utama segera yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan di bawah NTIS, iaitu:

1. Penggunaan *autonomous robot* untuk perkhidmatan kesihatan (penghantaran dan pembasmian kuman bagi mengurangkan penyebaran COVID-19) di hospital kerajaan dan hospital pengajar universiti serta pertanian yang digunakan untuk mengoptimumkan penggunaan baja dan penyemburan racun serangga ke atas tanaman.

2. Bidang Kepintaran Buatan (*Artificial Intelligence, AI*) dan *Internet-of-Things (IoT)* menerusi teknologi yang dibangunkan oleh MIMOS Berhad untuk analisis video (*video analytics*).
3. Robot Garis lurus Pilih-dan-Letak (*pick-and-place*) dengan kecekapan dan ketepatan yang tinggi digunakan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan juga menjalankan kerja-kerja yang merbahaya di sektor perkilangan. Lokasi untuk projek rintis aplikasi robotik tersebut akan dimulakan di Taman Perabot Muar (Muar Furniture Park) dan Taman Industri Bersepadu Rawang (Rawang Integrated Industry Park).
4. Kekurangan mesin pengudaraan disebabkan kos perolehan yang tinggi telah mencetus idea *advanced manufacturing* antaranya penggunaan teknologi sensor seperti percetakan 3D printing untuk menghasilkan *ventilators* buatan Malaysia dengan harga berpatutan untuk mengatasi masalah kekurangan *ventilators* dengan harga yang tinggi, khususnya apabila kes COVID-19 meningkat.
5. Penggunaan aplikasi biak baka mutasi oleh Nuklear Malaysia yang telah berjaya menghasilkan *variety* atau kepelbagaian baharu padi iaitu NMR151 dan NMR 152 yang mempunyai nilai tambah yang tinggi seperti memberi hasil tinggi, tahan penyakit karah, boleh tumbuh dalam keadaan air masin dan dalam keadaan air minimum. Variasi-variasi padi tersebut telah diiktiraf oleh Jabatan Pertanian dan menyumbang kepada *food security* serta boleh digunakan oleh petani-petani untuk meningkatkan hasil pengeluaran. Medan Chuping Jaya di Perlis telah dipilih menjadi lokasi untuk menjalankan Projek Rintis bagi sektor pertanian.

Cadangan empat (4) skim pembiayaan yang merangkumi skop Industri 4.0 dan Automasi & Robotik adalah seperti berikut:

a) *Single Site Sandbox*

Pembiayaan maksimum berjumlah RM250,000, dalam bentuk geran sepenuhnya untuk membiayai penyelesaian *single site sandbox*.

b) *Multiple Site Sandbox*

Pembiayaan maksimum berjumlah RM500,000, dalam bentuk separa geran (70%) untuk membiayai penyelesaian *multiple site sandbox*.

c) Pengkomersialan

Pembiayaan maksimum RM4 juta, dalam bentuk dana hibrid; geran dan Nota Janji Boleh Ubah (*Convertible Promissory Notes*) untuk membiayai proses pengkomersialan penyelesaian *sandbox*.

d) Dana Padanan bersama-sama Pelabur/Syarikat Korporat

Peruntukan maksimum RM15 juta sebagai dana padanan bersama-sama syarikat-syarikat korporat. Instrumen pembiayaan akan tertakluk kepada persetujuan di antara MTDC dan syarikat-syarikat korporat yang terlibat.

Malaysia dan seluruh rakyatnya terus menyahut cabaran menjadi pemain utama dalam perkembangan teknologi serta inovasi baharu untuk meningkatkan produktiviti. Inisiatif NTIS mampu memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah negara berteknologi tinggi di persada dunia.

TAMAT